

(26) dlm KKM 82/2/6

4 Januari 1985

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan &
Kesihatan Negeri

Semua Pengarah Yayasan

Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Sabah

Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Sarawak

PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 1/1985

Akta Perubatan, 1971: Seksyen-seksyen 40 & 41
Perkhidmatan Dalam Jawatan Perubatan dalam
Perkhidmatan Awam

Sapertimana tuan sedia maklum, tiap-tiap orang yang memperolehi pendaftaran penuh dibawah Akta Perubatan 1971 dikehendakki memegang satu jawatan perubatan dalam perkhidmatan awam (khidmat wajib) tidak kurang dari 3 tahun mulai dari tarikh yang ditetapkan. Pada masa ini, bagi mereka yang tamat latihan doktor siswazah disalah satu hospital tempatan, tarikh ini adalah tarikh mereka memperolehi pendaftaran penuh.

2. Pejabat ini menghadapi beberapa masalah dalam melaksanakan kehendak Seksyen-seksyen 40 dan 41 Akta kerana:

- (a) ramai doktor-doktor siswazah yang lambat memohon pendaftaran penuh dibawah Akta; dan
- (b) ramai doktor-doktor siswazah yang telah diberi pendaftaran penuh dibawah Akta enggan melapurkan diri pada tarikh dan ditempat bertugas yang baru apabila diarah berbuat demikian.

3. Mengenai perkara 2(a) diatas, saya telahpun mengeluarkan satu Pekeliling K.P.K. 4/84. Saya percaya tuan telahpun mengambil tindakan bagi memastikan Pekeliling ini dipatuhi.

4. Untuk melicinkan lagi pentadbiran dan pelaksanaan Seksyen-seksyen 40 dan 41 Akta, maka peraturan-peraturan berikut adalah diputuskan dan berkuatkuasa dengan serta-merta:

- (a) Bagi mereka yang diberi pendaftaran penuh dalam tempoh satu bulan selepas tamat latihan doktor siswazah (housemanship), "khidmat wajib" adalah dianggap telah bermula pada tarikh pendaftaran penuh jika seterusnya pegawai yang berkenaan melaporkan diri pada tarikh dan ditempat bertugas yang baru yang ditetapkan;
- (b) Bagi mereka yang tidak mendapat pendaftaran penuh dalam tempoh satu bulan selepas tamat latihan doktor siswazah (housemanship) kerana kelewatan memohon pendaftaran penuh, maka "khidmat wajib" adalah dianggap bermula dari tarikh permohonan pendaftaran penuh diterima jika seterusnya pegawai tersebut melaporkan diri pada tarikh dan ditempat bertugas yang baru yang ditetapkan; dan
- (c) Bagi mereka yang tidak mendapat pendaftaran penuh dalam tempoh satu bulan selepas tamat latihan doktor siswazah (housemanship) dan gagal melaporkan diri pada tarikh dan ditempat bertugas yang baru yang ditetapkan, maka "khidmat wajib" adalah dianggap bermula dari tarikh pegawai yang berkenaan melaporkan diri ditempat bertugas yang baru yang dibersetujui.

5. Tuan adalah diingatkan bahawa dalam tempoh minima tiga tahun pemegang jawatan perubatan dalam perkhidmatan awam (khidmat wajib), seseorang itu hendaklah berkhidmat dengan memuaskan hati Ketua Pengarah Kesihatan. Oleh yang demikian, tuan adalah diminta melaporkan kepada saya sekiranya ada diantara pegawai-pegawai yang berkenaan yang tidak menjalankan tugas-tugas mereka dengan memuaskan.

6. Sila maklumkan peraturan baru ini kepada semua pegawai yang berkenaan.



(DATUK (DP) ABDUL KHALID BIN SAHAW)
Ketua Pengarah Kesihatan.

s.k. Ketua Setiausaha
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
Timbalan Ketua Setiausaha (P)
Pengarah Perkhidmatan Perubatan
Pengarah Perkhidmatan Kesihatan
Pengarah Latihan & Tenaga Manusia
Setiausaha, Majlis Perubatan Malaysia.